

29 NOV 2002
CELCOM-UMNO/I
SMS CELCOM DUA HALA BAGI ANGGOTA UMNO DILANCARKAN

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Anggota Umno yang merupakan pelanggan Celcom kini dapat mengetahui maklumat terkini parti melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dua hala Celcom.

Tawaran terkini SMS itu yang dikenali sebagai "Bersamamu Umno Melalui SMS" dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini dengan dihadiri para pemimpin Umno.

Buat permulaan, fasa pertama khidmat itu akan membolehkan anggota Umno memeriksa status keanggotaan atau memuat turun nada deringan lagu dan logo Umno, Wanita, Pemuda dan Puteri.

Ketua eksekutif kumpulan Celcom, Datuk Ramli Abbas berkata fasa kedua yang akan dilancarkan April depan, pengguna boleh mengakses maklumat seperti Direktori Umno, keputusan pilihan raya, program acara dan petikan kata-kata Dr Mahathir.

Anggota Umno juga boleh mengharapkan pungutan pendapat melalui perkhidmatan SMS interaktif Celcom, kata Ramli pada sidang media selepas majlis pelancarannya.

Celcom memperkenalkan perkhidmatan itu dengan penyedia perkhidmatannya Langkah Technology Sdn Bhd dan maklumat dibekalkan secara terus oleh ibu pejabat Umno.

Ramli yakin perolehan yang banyak daripada perkhidmatan berkenaan memandangkan 60 peratus daripada tiga juta anggota Umno adalah pengguna telefon bergerak.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat menentukan peratusan anggota Umno yang merupakan pelanggan Celcom kerana data keanggotaan parti tidak termasuk dalam proses pendaftaran.

Bagi memeriksa keahlian, anggota Umno perlu menaip AHLI diikuti dengan nombor kad pengenalan dan menghantar kepada 28666 dan untuk nada dering serta logo hanya taip RING atau LOGO dan hantarnya ke nombor yang sama. Setiap muat turun dikenakan bayaran RM1.20. -- BERNAMA

AKT KTC NHD